

18 Disember 2017

Dua beradik ditahan edar dadah

Dua beradik ditahan edar dadah

TUMPAT 17 Dis. - Dua beradik bersama seorang rakannya ditahan kerana memiliki dadah bernilai RM41,082.50 dalam serbuan di sebuah rumah di Wakaf Bharu di sini kira-kira pukul 2.15 pagi semalam.

Pemangku Ketua Polis Daerah Tumpat, Superintenden Mohamed Zulmazi Che Daud berkata, serbuan itu membawa kepada penemuan syabu seberat 42.75 gram dan 19 botol berisi heroin serta dua biji pil kuda.

Menurutnya, kedua-dua beradik yang berumur 30 dan 26 tahun itu turut mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan kes pecah rumah.

“Siasatan awal mendapati si abang pernah dipenjarakan di Thailand selama tiga tahun bersabit kes dadah dan baru sahaja dibebaskan bulan Julai tahun lepas. Lelaki ini aktif mengedar di sekitar Wakaf Bharu, Tumpat dan Thailand, bekalan dadah diambil di Thailand,” katanya ke-

pada pemberita di sini hari ini.

Zulmazi memberitahu, selain dadah, pihaknya turut merampas wang tunai sebanyak RM730 dipercayai hasil jualan dadah.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika sabit kesalahan berhadapan hukuman mati.

“Tiga suspek ini kita reman selama seminggu bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung kes pengedaran dadah,” ujarnya.



ZULMAZI CHE DAUD (dua kanan) bersama pegawainya menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas dalam serbuan di Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan, semalam.